

Headline **Perlu berani tolak unsur negatif**
Date **07 Feb 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S26**
Article Size **151 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **831**
PRValue **2,492**



Perlu berani tolak unsur negatif

BANDAR BARU BANGI – Remaja masa kini di saran untuk berani berkata 'Tidak' kepada perkara yang mendorong dan mencetus kecenderungan ke arah perlakuan negatif yang bakal merugikan masa depan golongan berkenaan.

Yang Dipertua Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih), Mohd Yunus Pathi berkata, golongan itu kini perlu lebih matang dan berfikiran terbuka untuk mengambil sesuatu keputusan supaya tidak terjebak dengan budaya negatif.

"Say No! atau katakan tidak pada apa-apa sahaja situasi yang bakal membuahkan hasil negatif baik dari segi jangka panjang ataupun jangka pendek.



● MOHD YUNUS PATHI

"Keinginan ini perlu diterapkan dalam jati diri remaja kerana ia mampu mengelakkan dari terjebak dengan aktiviti yang boleh merosakkan masa depan dan aset remaja.

"Remaja juga mesti berani tampil ke hadapan dan

saling ingat mengingatkan satu sama lain dengan membawa slogan berkenaan," katanya pada Majlis Forum Mahasiswa Benci Dadah di Universiti Tenaga Nasional (Uniten), di sini.

Forum anjuran Kementerian Pengajian Tinggi itu sempena Program Pencegahan Dadah, ATS & HIV/Aids Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Mohd Yunus berkata, dengan berani menolak unsur negatif secara tidak langsung akan dapat membina kekuatan diri dalam diri remaja berkenaan.

"Contoh yang paling mudah, jika kita mahu membawa anak-anak kita keluar makan dan bercadang ke restoran mamak, tapi anak

kita itu mahu makan di restoran ala Thai, jadi kita mesti menghormati keputusan anak kita itu.

"Ini bermakna anak kita itu seorang yang berani buat keputusan, mesti ada alasannya dan tidak mengikut kehendak kita membuta tuli," katanya.

Pada era teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin canggih menurutnya, remaja juga perlu bijak memilih dan terus berkata 'tidak' kepada aplikasi yang bakal menyongsangkan minda golongan berkenaan.

Untuk itu menurutnya, ibu bapa adalah pemangkin paling sesuai membantu remaja, kemudian diikuti pendidik dan seterusnya anggota masyarakat.